

02/06/1998

Dr M, Anwar mangsa surat layang

KUANTAN, Isnin - Umno bahagian Kuantan kesal dengan tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab menghantar surat layang memburuk-buruk pemimpin tertentu.

Ketuanya, Datuk Fauzi Abdul Rahman, turut menerima surat layang berkenaan, selain menerima aduan daripada beberapa ahli yang menerima beberapa siri surat layang terbabit.

Beliau berkata, isi kandungan surat layang berkenaan membabitkan pelbagai perkara, termasuk membuat tuduhan palsu terhadap pemimpin Umno, terutama yang membabitkan kepimpinan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Menurutnya, surat layang yang dihantar melalui pos itu bertujuan melagakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Dalam keadaan kita sedang berusaha mengatasi masalah ekonomi serta memerlukan setiap rakyat memikirkan secara positif dan proaktif bagi mengatasi kegawatan itu, masih ada usaha berterusan dilakukan pihak tertentu memburukkan pemimpin."

"Saya amat dukacita dengan tindakan seumpama ini dan bagi pihak diri saya, surat layang itu sudah diserahkan kepada pihak polis untuk menjalankan siasatan dan seterusnya mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit," katanya, di sini.

(END)